

Utamakan kebajikan rakyat, bukan politik: PM

PH - 28/8/2020 mlk : 7

Muar: "Saya tidak mahu sentuh pasal politik ketika ini," kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Sebaliknya, Perdana Menteri menjelaskan, perkara yang menjadi keutamaan beliau ketika ini ialah memastikan kebajikan rakyat dibela, meningkatkan ekonomi dan pembangunan negara serta menjaga kesihatan rakyat.

"Ramai orang tanya saya, mengapa tidak cakap atau ulas mengenai politik yang berlaku di luar sana.

"Saya sudah 40 tahun dalam bidang politik namun tidak mahu sentuh pasal politik ketika ini.

"Apa yang jadi perhatian utama saya ketika ini adalah kebajikan rakyat, pembangunan negara dan ekonomi serta menjaga kesihatan

rakyat," katanya disambut tepukan gemuruh pemimpin masyarakat yang hadir di Dewan Serbaguna Bukit Gambir, dekat sini.

Muhyiddin yang juga Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) berkata demikian pada Majlis Pemimpin Bersama Rakyat di dewan berkenaan, semalam.

Yang turut hadir, isterinya,

 **Saya sudah 40 tahun dalam bidang politik namun tidak mahu sentuh pasal politik ketika ini.**

Muhyiddin Yassin,
Perdana Menteri

Puan Sri Norainee Abdul Rahman dan Menteri Besar, Datuk Hasni Mohammad.

Kira-kira 150 pemimpin masyarakat setempat hadir ke majlis itu turut diperiksa suhu badan dan majlis itu turut mematuhi penjarakan sosial sempena Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) sehingga 31 Ogos ini.